

KESEDARAN RISIKO PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM KALANGAN PELAJAR

RISK AWARENESS OF THE USE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) TECHNOLOGY AMONG STUDENTS

Wan Burhanuding bin Ibrahim ^{1*}

¹ Politeknik Mersing, Johor. 86800 Johor Malaysia.
(email : burhanuding@tvvet.pmj.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Ibrahim, W. B. (2025). Kesedaran risiko penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 124 - 130.

Abstrak: Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan pelajar semakin meluas, namun ketergantungan yang berlebihan terhadap teknologi ini menimbulkan persoalan tentang tahap kesedaran mereka terhadap risiko penggunaannya. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti alat AI yang sering digunakan oleh pelajar Politeknik Mersing Johor bagi menilai tahap kebergantungan mereka terhadap teknologi ini. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan melibatkan 50 orang pelajar sebagai sampel. Data dikumpulkan melalui soal selidik 5 skala Likert yang telah dibina sendiri dan disemak, serta diuji kebolehpercayaannya menggunakan nilai Cronbach Alpha. Analisis deskriptif digunakan untuk menilai tahap penggunaan AI berdasarkan nilai min, seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019), iaitu 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi). Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan AI dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi, di mana majoriti pelajar menggunakan AI untuk membantu dalam penulisan (76.3%), menghasilkan dokumen berkualiti tinggi, dan menyediakan kandungan akademik. Oleh itu, kajian ini penting bagi membantu institusi pendidikan merangka langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan kesedaran pelajar mengenai risiko penggunaan AI. Dengan adanya kesedaran yang lebih tinggi, pelajar dapat memanfaatkan teknologi ini dengan lebih bertanggungjawab dan beretika, sekali gus mengurangkan risiko kebergantungan melampau terhadap AI dalam proses pembelajaran mereka.

Kata kunci: Kesedaran Risiko, Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI), dalam Kalangan Pelajar

Abstract: The use of artificial intelligence (AI) technology among students is becoming more widespread, but excessive dependence on this technology raises questions about their level of awareness of the risks of its use. Therefore, this study was conducted to identify AI tools that are often used by students of Mersing Johor Polytechnic to assess their level of dependence on this technology. A quantitative approach was used by involving 50 students as a sample. Data were collected through a 5-scale Likert-scale questionnaire that was self-constructed and

reviewed, and its reliability was tested using Cronbach Alpha values. Descriptive analysis was used to assess the level of AI use based on mean values, as suggested by Ngadiman et al. (2019), namely 1.00–1.99 (Weak), 2.00–2.99 (Low), 3.00–3.99 (Moderate), and 4.00–5.00 (High). The results of the study showed that the level of AI usage among students is at a high level, with the majority of students using AI to assist in writing (76.3%), producing high-quality documents, and providing academic content. Therefore, this study is important to help educational institutions devise appropriate measures to increase student awareness of the risks of AI usage. With greater awareness, students can utilize this technology more responsibly and ethically, thus reducing the risk of over-reliance on AI in their learning process.

Keywords : Risk Awareness, Use of Artificial Intelligence (AI) Technology, Among Students

Pengenalan

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) sangat penting dalam kehidupan pelajar kerana ia memudahkan tugas harian sebagai pelajar, meningkatkan kecekapan kerja, serta membantu mendapatkan maklumat dengan cepat dan tepat dalam pelbagai situasi. Disamping itu (AI) sangat penting dalam kehidupan pelajar, kerana peredaran teknologi, Ai banyak kelebihan seperti dapat membantu pelajar menjawab soalan pemikiran kritis. AI juga digunakan dalam aplikasi navigasi, penolong maya seperti Siri atau Google Assistant, serta penapisan kandungan media sosial. Dalam aspek sebagai pelajar AI sangat membantu dalam analisis data, automasi kerja berulang, dan meningkatkan produktiviti. AI juga membantu pelajar mendapatkan sumber pembelajaran yang diperibadikan. Sekiranya pelajar dalam kesihatan, AI boleh digunakan untuk belajar diagnosis penyakit, analisis imej perubatan, dan penyelidikan perubatan.

Penggunaan (AI) juga dapat memudahkan dan mempercepatkan cara belajar dan dapat memberikan idea untuk berfikir diluar kotak Dan dapat memberikan idea untuk berfikir diluar kotak . Selain itu, penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Kalangan Pelajar juga bergantung kepada pengguna dan dari segi aspek kegunaannya, misalnya dalam pembelajaran, kegunaan (AI) boleh digunakan dan diaplikasikan dalam membuat latihan atau tugas tanpa di bawah pemantauan penjaga atau pendidik dan kecerdasan buatan AI harus ada had limit untuk mengelakkan sebarang kesalahgunaan misalnya dalam technology “deep fake” yang mudah cenderung kepada pengguna yang tidak bertanggungjawab untuk buat kerja jahat seperti scam. Ianya penting untuk memudahkan dan menjimatkan masa seseorang untuk melaksanakan maklumat yang tertentu malah seseorang juga mudah mengetahui ilmu sesuatu dan cara untuk menyelesaikan sesetengah masalah. Penggunaan AI juga Membantu ketika dalam keadaan kecemasan seterusnya juga membantu saya menyusun jadual dan masa saya dengan sangat pantas tanpa perlu saya memikirkannya serta membantu saya dalam kerja harian saya sebagai It vendor.

Namun begitu, timbul persoalan sejauh mana tahap kesedaran pelajar tentang Risiko Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Kalangan Pelajar? Ini kerana Ketergantungan yang Berlebihan terhadap Teknologi Ini akan mengundang banyak risiko. Dapatan ini penting kerana tahap kesedaran dan kefahaman berkaitan Risiko Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) adalah penentu sama ada pelajar boleh terdedah kepada banyak risiko. Secara keseluruhannya, meskipun AI menawarkan pelbagai kemudahan kepada pelajar, kesan negatif yang timbul akibat penggunaannya yang tidak terkawal tidak boleh diabaikan. Ketergantungan yang berlebihan terhadap teknologi ini boleh menyebabkan kemerosotan daya pemikiran kritis dan kreativiti pelajar. Selain itu, nilai integriti akademik mereka juga terancam, di samping risiko keselamatan data dan penyebaran maklumat yang

tidak sah. Oleh yang demikian, kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti tahap risiko penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan mereka. Kajian ini penting untuk institusi merangka langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran pelajar mengenai risiko penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) agar mereka dapat memanfaatkannya dengan cara yang lebih bertanggungjawab dan beretika.

Objektif Kajian

Objektif Kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Menilai pasti alat Kecerdasan Buatan AI yang sering digunakan pelajar Politeknik Mersing Johor.
2. Mengenal tahap Kesedaran Risiko Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing.

Sorotan Kajian

Banyak kajian menjelaskan kepentingan Kesedaran Risiko Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan pelajar (Kasprabowo et al., 2024; Lukman, et al., 2023; Zuliana et al., 2024). Isu keselamatan data dan penyalahgunaan data adalah antara risiko utama yang berkaitan dengan penggunaan AI. Dalam konteks pendidikan, pelajar sering didedahkan dengan pengumpulan data peribadi yang boleh disalahgunakan. Penyelidikan menunjukkan bahawa tahap kewarganegaraan digital dalam kalangan remaja kekal rendah, yang meningkatkan risiko mereka terlibat dalam jenayah siber (Malki et al. (2023). Terdapat kajian menunjukkan kesedaran umum tentang keperluan menyediakan pelajar dengan kemahiran yang relevan untuk bersaing dalam pasaran buruh yang semakin dipengaruhi teknologi (Cahyono et al., 2023). Begitu terdapat kajian menunjukkan kepentingan memastikan data yang digunakan dalam pembangunan AI adalah seimbang dan tidak berat sebelah, sekaligus tidak menyebabkan ketidakadilan dalam proses pembelajaran (Salsabilla et al., 2023). Kajian oleh (Salsabilla et al., 2023) menunjukkan terdapat bukti bahawa pelanggaran privasi boleh berlaku jika maklumat peribadi tidak dilindungi dengan betul, yang boleh memberi kesan negatif kepada sistem pembelajaran. Selain itu, kajian juga menunjukkan pelajar terlalu bergantung kepada alat ini untuk menyelesaikan tugas mereka, justeru menyebabkan mengurangkan keupayaan mereka untuk berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah secara bebas (Yahya et al., 202).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan melibatkan seramai 50 orang pelajar dari Politeknik Mersing, Johor sebagai sampel kajian. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik berasaskan skala Likert 5 mata. Item-item dalam instrumen ini dibina sendiri oleh penyelidik, namun telah melalui prosedur pembangunan instrumen yang lengkap termasuk semakan item bagi memastikan kesahihan kandungan. Nilai kebolehpercayaan instrumen yang diperoleh adalah 0.956 berdasarkan analisis Cronbach Alpha, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi (melebihi nilai piawai minimum 0.7). Analisis data dijalankan secara deskriptif. Tahap skor min dianalisis berdasarkan pengkategorian yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019), iaitu: 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

Jadual 1: Demografi Responden

Bil	Kategori	Pilihan	Peratusan (%)
1	Jantina	Lelaki	42.4
		Perempuan	52.6
2	Jabatan	JP	18.4
		JKE	15.8
		JTMK	66.8
3	Semester	1	28.9
		3	50
		4	10.5
		5	5.3
		6	5.3
11	HPNM	1.00 ke bawah	0
		1.01 - 2.00	0
		2.01 - 3.00	18.4
		3.01 - 4.00	78.9
		Sama 1 (Tidak HPNM)	2.6
16	Pendapatan Ibu Bapa	RM1000 - RM4849	71.1
		RM4850 - RM10000	15.8

Latar Belakang Responden berdasarkan analisis data dalam Jadual 1, majoriti responden adalah perempuan (52.6%) dan berasal dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) sebanyak 66.8%, manakala selebihnya dari Jabatan Perdagangan (JP) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE). Dari segi semester, kebanyakan pelajar berada di semester 3 (50.0%), diikuti oleh semester 1 (28.9%), manakala selebihnya berada di semester 4, 5, dan 6 dengan peratusan lebih rendah. Dari aspek pencapaian akademik (HPNM), majoriti pelajar (78.9%) memperoleh HPNM antara 3.01 hingga 4.00, diikuti oleh 18.4% dalam lingkungan 2.01 hingga 3.00, menunjukkan prestasi akademik yang baik secara keseluruhan. Dari sudut sosioekonomi, kebanyakan pelajar berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana dengan 71.1% mempunyai pendapatan ibu bapa dalam lingkungan RM1000 hingga RM4849, manakala 15.8% dalam kategori RM4850 hingga RM10000, dan 13.1% berasal dari keluarga berpendapatan tinggi melebihi RM10000. Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah pelajar perempuan dari Jabatan JTMK, berada di semester pertengahan, mempunyai pencapaian akademik yang baik, serta datang daripada keluarga berpendapatan sederhana.


Jadual 2: Risiko Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing

Item	Mean	Std. Deviation	Tahap
Saya sedar bahawa teknologi AI boleh menyalahgunakan data peribadi pengguna.	4.359	0.743	Tinggi
Saya memahami risiko ketagihan terhadap penggunaan teknologi AI dalam kehidupan harian.	4.436	0.680	Tinggi
Saya sedar bahawa AI boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan.	4.359	0.743	Tinggi

Saya memahami bahawa penggunaan AI secara berlebihan boleh mengurangkan kreativiti dan pemikiran kritis saya.	4.436	0.641	Tinggi
Saya sedar bahawa AI boleh digunakan untuk tujuan yang tidak beretika, seperti penipuan atau manipulasi.	4.462	0.720	Tinggi
Saya memahami risiko keselamatan siber yang berkaitan dengan penggunaan aplikasi AI.	4.436	0.680	Tinggi
Saya sedar bahawa AI boleh menggantikan pekerjaan manusia dalam beberapa bidang pada masa hadapan.	4.308	0.731	Tinggi
Saya sedar bahawa AI boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu atau propaganda.	4.487	0.683	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan Risiko Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhan responden bersetuju bahawa Risiko Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan pelajar. Item yang memperoleh nilai min tertinggi adalah AI boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu atau propaganda. (4.487), diikuti oleh AI boleh digunakan untuk tujuan yang tidak beretika, seperti penipuan atau manipulasi (4.462), dan responden bersetuju bahawa risiko ketagihan terhadap penggunaan teknologi AI dalam kehidupan harian berkongsi bersama Saya memahami bahawa penggunaan AI secara berlebihan boleh mengurangkan kreativiti dan pemikiran kritis saya. dan Saya memahami risiko keselamatan siber yang berkaitan dengan penggunaan aplikasi AI. (4.436). Ini menunjukkan bahawa pelajar Politeknik Mersing merasakan bahawa kebergantungan yang berlebihan terhadap teknologi Ini akan mengundang banyak risiko. Secara rumusannya, Kajian ini penting untuk institusi dalam menilai tahap risiko penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di kalangan pelajar Politeknik Mersing Johor.

Analisis kajian



Rajah 1: Tahap penggunaan alat Kecerdasan Buatan AI yang sering digunakan oleh pelajar politeknik Mersing.

Analisis dapatan dalam Rajah 1 menunjukkan Tahap penggunaan alat Kecerdasan Buatan AI yang sering digunakan oleh pelajar politeknik Mersing. Daripada Tiga dapatan tertinggi menunjukkan yang utama ialah pelajar paling kerap menggunakan AI untuk membantu dalam penulisan (76.3%), menghasilkan dokumen berkualiti tinggi (65.8%), dan menyediakan kandungan akademik (65.8%). AI memudahkan pelajar dalam merangka esei, menyusun maklumat, serta menyediakan nota dan ringkasan dengan lebih efisien. Walaupun teknologi ini meningkatkan kecekapan, kebergantungan berlebihan boleh mengurangkan daya pemikiran kritis dan kebolehan analisis pelajar. Oleh itu, penggunaan AI perlu diimbangi dengan pembelajaran sendiri bagi memastikan pelajar tetap mengembangkan kemahiran berfikir dan menulis secara bebas.

Kesimpulan

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan pelajar semakin meluas, terutama dalam membantu penulisan, menghasilkan dokumen berkualiti tinggi, dan menyediakan kandungan akademik. Walaupun AI memberikan banyak manfaat, ketergantungan yang berlebihan terhadapnya menimbulkan risiko seperti kebergantungan kepada maklumat yang tidak sahih serta pengurangan kemahiran berfikir secara kritis. Kajian ini menilai tahap penggunaan AI dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing Johor dan mendapati bahawa kebanyakan pelajar menggunakannya untuk tujuan akademik. Bagi memastikan penggunaan AI yang lebih bertanggungjawab, beberapa langkah penambahbaikan dicadangkan. Institusi pendidikan perlu memperkenalkan garis panduan etika dalam penggunaan AI bagi memastikan pelajar memahami batasan serta tanggungjawab mereka. Selain itu, latihan dan bengkel boleh dianjurkan untuk meningkatkan literasi digital pelajar serta menggalakkan penggunaan AI secara interaktif dalam pembelajaran. Pensyarah juga boleh menggalakkan kreativiti dan pemikiran kritis dengan memberi tugas yang lebih menekankan analisis, pendapat peribadi, dan kajian lapangan. Secara keseluruhannya, penggunaan AI dalam kalangan pelajar perlu dikawal dengan baik agar ia dimanfaatkan secara beretika tanpa mengabaikan integriti akademik dan kemahiran analisis. Dengan langkah yang tepat, AI dapat menjadi alat sokongan yang membantu pelajar berkembang secara akademik dengan lebih bertanggungjawab.

Rujukan

- Atika, M. and Sayekti, R. (2023). Studi literatur review sistem informasi perpustakaan berbasis artificial intelligence (ai). *Palimpsest Jurnal Ilmu Informasi Dan Perpustakaan*, 14(1), 39-52. <https://doi.org/10.20473/pjil.v14i1.46405>
- Cahyono, N., 'Uyun, K., & Mukaromah, S. (2023). Etika penggunaan kecerdasan buatan pada teknologi informasi. *sitasi*, 3(1), 482-491. <https://doi.org/10.33005/sitasi.v3i1.334>
- Farizal, C. (2024). Etika penggunaan A.I. dalam pendidikan: Isu privasi, data, dan tanggungjawab. *Blog Cikgu Farizal*. <https://cfzal.com/etika-penggunaan-a-i-dalam-pendidikan-isu-privasi-data-dan-tanggungjawab/>
- Lukman, L., Agustina, R., & Aisy, R. (2023). Problematika Penggunaan Artificial Intelligence (AI) untuk Pembelajaran di Kalangan Mahasiswa STIT Pematang. *Madaniyah*, 13(2), 242-255.
- Kasprabowo, T., Rahayu, E. Y., Yulistiyan, Y., & Rustipa, K. (2024). Penguatan Kesadaran Internet Sehat Dalam Era Kecerdasan Buatan: Pendidikan Dan Pengenalan Bahasa Dan Kebudayaan Digital. *Abdimas Budaya*, 7(1), 1-7.
- Ju, Q. (2023). Experimental evidence on negative impact of generative AI on scientific learning outcomes. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2311.05629>
- Maliki, N., Bahari, K., Ali, R., Tajuddin, S., Al-Majdhoub, F., & Baboo, S. (2023). Tahap kewarganegaraan digital dalam kalangan remaja 14 tahun di malaysia. *Educatum Journal of Social Sciences*, 9(2), 94-105. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.2.9.2023>

- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Ramadiani, Y., Agusmelda, R., & Betania, S. (2023). Peran teknologi ai terhadap kreatifitas mahasiswa dalam menyelesaikan tugas akhir. *Jurnal Ortopedagogia*, 9(2), 126. <https://doi.org/10.17977/um031v9i22023p126-130>
- Salsabilla, K., Hadi, T., Pratiwi, W., & Mukaromah, S. (2023). Pengaruh penggunaan kecerdasan buatan terhadap mahasiswa di perguruan tinggi. *sitasi*, 3(1), 168-175. <https://doi.org/10.33005/sitasi.v3i1.371>
- Sudaryanto, A. and Hanny, S. (2023). Manajemen sumber daya manusia sektor publik menghadapi kemajuan kecerdasan buatan (artificial intelligence). *Musamus Journal of Public Administration*, 6(1), 513-521. <https://doi.org/10.35724/mjpa.v6i1.5402>
- Salsabilla, K., Hadi, T., Pratiwi, W., & Mukaromah, S. (2023). Pengaruh penggunaan kecerdasan buatan terhadap mahasiswa di perguruan tinggi. *sitasi*, 3(1), 168-175. <https://doi.org/10.33005/sitasi.v3i1.371>
- Wulandari, W., Hajrah, S., Debibilian, M., & Amaliah, W. (2024). Pendampingan penggunaan aplikasi ai sebagai upaya peningkatan inovasi dalam pengajaran guru di sekolah. *ABDI SAMULANG*, 3(2), 94-103. <https://doi.org/10.61477/abdisamulang.v3i2.39>
- Wahyuni, A. and Dahmiri, D. (2021). Kepercayaan dan persepsi risiko terhadap keamanan konsumen dan implikasinya terhadap minat beli konsumen di marketplace shopee kota jambi. *Jurnal Manajemen Terapan Dan Keuangan*, 10(01), 29-41. <https://doi.org/10.22437/jmk.v10i01.12384>
- Yahya, R., Azizah, S., & Herlambang, Y. (2024). Pemanfaatan chatgpt di kalangan mahasiswa: sebuah tinjauan etika teknologi dalam perspektif filsafat. *UPGRADE*, 1(2), 53-59. <https://doi.org/10.30812/upgrade.v1i2.3481>
- Yahya, R., Azizah, S., & Herlambang, Y. (2024). Pemanfaatan ChatGPT di kalangan mahasiswa: Sebuah tinjauan etika teknologi dalam perspektif filsafat. *UPGRADE*, 1(2), 53-59. <https://doi.org/10.30812/upgrade.v1i2.3481>
- Zuliana, M. A., Putri, I. R., & Fareby, T. N. (2024). Persepsi mahasiswa tentang penggunaan artificial intelligence quillbot dalam mengatasi plagiarisme dan kesadaran etika akademik mahasiswa dan dosen. *Jurnal Inovasi Pendidikan*, 6(3).